

PENGUMUMAN AWAM

Warganegara India di Malaysia dinasihatkan supaya memohon semula pasport dengan segera atas perkara-perkara yang berikut:

I) PASPORT DALAM BENTUK PENULISAN

Organisasi Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) telah menentukan 24 November 2015 sebagai tarikh akhir bagi mengurangkan pasport yang tidak boleh dikesan oleh mesin (**non-Machine Readable Passports MRPs**), secara berperingkat di seluruh dunia. Mulai 25 November 2015, kerajaan-kerajaan luar negara akan menghalang visa atau kemasukkan ke negara mereka kepada pemegang - pemegang pasport dalam bentuk penulisan, yang tidak boleh dikesan oleh mesin.

Kerajaan India mengeluarkan pasport dalam bentuk pencetakan sejak 2001. Walaubagaimanapun, pasport-pasport yang dikeluarkan sebelum 2001, terutamanya di pertengahan 1990-an dengan tempoh sah untuk 20 tahun, dikategorikan sebagai '**non-MRPs**'. Kesemua pasport dalam bentuk penulisan dengan foto yang ditampal dalamnya, juga diklasifikasi sebagai 'non-MRPs', iaitu pasport yang tidak boleh dikesan oleh mesin. Dianggarkan bahawa sebanyak 286 ribu pasport dalam bentuk penulisan telah diedarkan pada hujung bulan November 2014.

Warganegara India yang menetap di Malaysia, dan memegang pasport dengan tempoh sah selepas 24 November 2015, diminta untuk memohon pencetakan semula pasport sebelum tarikh tutup, untuk mengelakkan sebarang kesulitan dalam memperolehi visa yang sah bagi melanjutkan perjalanan antarabangsa.

ii) PASPORT SAH KURANG DARI ENAM BULAN

Kebanyakan pelancong antarabangsa mungkin tidak sedar bahawa pasport yang tempoh sahnya belum tamat, kadang-kala tidak boleh diguna untuk memohon visa atau untuk memasuki negara-negara asing tertentu. Warganegara India yang mempunyai pasport dengan tempoh sahnya kurang dari enam bulan harus memperbaharui pasport sebelum meneruskan perjalanan antarabangsa. Namun hal yang terpenting adalah pasport kanak-kanak yang menemani ibubapa mereka, kerana tempoh sah bagi pasport kanak-kanak adalah singkat, iaitu hanya lima tahun, sedangkan untuk dewasa ia adalah untuk 10 tahun. Amalan antarabangsa yang dipraktikkan kini adalah: "**Tibalah masanya untuk memohon pasport baru, jika pasport anda melebihi sembilan tahun**".

iii) KEHABISAN HALAMAN VISA

Sesetengah negara tidak menerima pasport yang mengandungi kurang dari dua muka surat. Sila periksa pasport anda untuk memastikan halaman visa yang mencukupi. Tiada peruntukkan untuk buku/halaman tambahan dan anda diminta untuk memohon pasport baru megikut prosedur yang ditetapkan. Bagi perjalanan yang kerap, mereka boleh memohon Pasport Jumbo, yang mengandungi 64 muka halaman.

2. Untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan pasport, sila layari laman web www.indianhighcommission.com.my